

**INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN, KOMITED DAN BERDEDIKASI  
DIPELAWA UNTUK BERKHIDMAT DI FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT, UKM  
(KAMPUS BANGI)**

**1. Maklumat Jawatan**

- (a) Jawatan: Pembantu Tadbir
- (b) Gred Jawatan: N19
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan: Pentadbiran dan Sokongan (N)
- (d) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana
- (e) Taraf Jawatan: Kontrak [Tabung Aktiviti Penjanaan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat]
- (f) Bilangan Kekosongan: 1 (satu)
- (g) Tempoh Lantikan: 1 Mei 2021 – 30 April 2022

**2. Deskripsi Tugas**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas perkeranian di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas pentadbiran awam, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

**3. Jadual Gaji : RM 2,117.00 Sebulan**

Gred Gaji	Gaji	Elaun
N19	1,352.00	Imbuan Tetap Perumahan: RM 300.00 Imbuan Tetap Khidmat Awam: RM 115.00 Bantuan Sara Hidup: 350.00

**Kemudahan Cuti:**

- (a) Cuti Rehat untuk 1 tahun: 25 hari (maksimum 25 hari)
- (b) Cuti Sakit untuk 1 tahun: 15 hari (maksimum 15 hari)
- (c) Cuti Bersalin: 90 hari (maksimum 90 hari (isteri) / 7 hari (suami))
- (d) Cuti Kematian: 3 hari (maksimum 3 hari bermula dari tarikh kematian)

**4. Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Berkelulusan:
  - a. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
DAN

- b. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DAN

- (d) Syarat Tambahan:
  - i. Mempunyai kemahiran *interpersonal* dan komunikasi yang baik;
  - ii. Boleh bekerja dalam kumpulan;
  - iii. Boleh berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris adalah suatu kelebihan; DAN
  - iv. Mempunyai kelayakan dan kemahiran mengendalikan perisian MS Office (Word, Excel, Powerpoint).

#### 5. Penempatan:

Pusat Kajian, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

#### 6. Cara Memohon:

*Resume* dan sijil-sijil berkaitan yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui emel kepada:-

**Emel:** nurazlinda@ukm.edu.my

**Tarikh tutup permohonan :** 5 April 2021 (Isnin)

\*Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.